

18/09/2003

Apabila wang mula jadi `alat' pengikut telunjuk

Lukman

KHAMIS lalu, Majlis Sukan Negara (MSN) mengumumkan keputusan pembiayaan atlit olahraga ke Kejohanan Olahraga Asia (ATF) yang menghadirkan kontroversi dan polemik apabila menggugurkan pelari pecut Azmi Ibrahim dari senarai dengan alasan tidak layak ke Sukan Sea XXII di Hanoi walaupun layak berdasarkan merit ke Manila.

Presiden Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), Datuk Khalid Yunus akur dan bersetuju dengan keputusan MSN ini walaupun kebanyakan ahli majlis yang hadir pada mesyuarat tahunan Ahad lalu melahirkan rasa tidak puas hati dengan keputusan MSN itu.

Dalam hal ini, saya tidak menyalahkan mereka kerana saya sendiri berasa kurang selesa dengan keputusan MSN ini yang saya anggap melepasi batasan kuasanya apabila secara langsung menentukan siapa atlit yang boleh dipilih dan tidak.

Kontroversi ini menerbitkan persoalan dan perdebatan mengenai kuasa badan sukan kebangsaan dan kuasa MSN dan semua ini ada kaitan dengan wang dan amat malang sekali badan sukan yang tertua seperti KOAM begitu mudah diperlekeh dan tampak tidak lagi berkuasa dalam menentukan pemilihan atlitnya sendiri.

Saya juga hairan apabila Khalid menyatakan layak berdasarkan merit mengikut syarat yang ditetapkan badan induk itu sendiri tidak bermakna akan terpilih secara automatik beraksi dalam kejohanan antarabangsa. Saya tertanya-tanya sejak bila pemilihan seperti ini digunakan. Tidak pernah atlit yang layak diketepikan dalam kejohanan antarabangsa. Kadang kala yang tak layak pun terpilih juga.

Tambah memeningkan lagi apabila Khalid turut berkata MSN mempunyai kuasa menentukan pemilihan atlit dan keputusan MSN menolak atlit yang layak ke ATF dan kemudian menyindir dengan menyatakan bahawa syarat ke Manila ditetapkan oleh KOAM dan bukan MSN, adakah bermaksud mereka (MSN) tidak menghormati syarat yang ditetapkan badan induk olahraga yang diiktiraf badan kebangsaan?

Bagi MSN mudah. Ambil saja! Hendak atau tidak terpulang. Dalam hal ini KOAM tidak mempunyai alternatif selain menyatakan "ya, tuan" kepada kata dua MSN kerana tidak mempunyai wang.

KOAM, badan yang miskin, berpaut sepenuhnya kepada MSN. Kalau membantah bererti ingkar dan implikasinya begitu hebat seperti apa yang berlaku selepas Sukan Sea XXII apabila badan induk itu dikenakan penggantungan dan sistem pengurusannya dirombak.

Agak malang sekali apabila wang dijadikan "alat" untuk mengawal persatuan sukan kebangsaan yang setiap hari kuasa mereka dikurangkan dan terpaksa mengikut telunjuk MSN.

Kalau KOAM mempunyai wang sudah pasti mereka tidak perlu menagih simpati dan menjaja maruah mereka kepada MSN.

Contohnya jelas. Kita lihat saja bola sepak yang mempunyai sumber kewangan yang banyak dan tidak perlu mengharap atau mendapatkan persetujuan MSN untuk melaksanakan program dan menghantar pasukannya ke serata dunia walaupun keputusan pasukan kita begitu mengecewakan.

Tidak ada tindakan atau campur tangan dari mana-mana pihak termasuk MSN atau Pesuruhjaya Sukan. Malah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad sendiri pernah menegur keadaan bola sepak negara ketika membentangkan Bajet 2003 tetapi masih tidak ada tindakan.

Olahraga yang menang lapan emas di Sukan Sea XXII selepas itu dikenakan penggantungan dengan alasan persembahan mengaibkan serta pengurusan yang lemah dan orang-orang yang cuba "menjolak sarang tebuan" dicantas dan diketepikan.

Saya tidak menafikan bahawa MSN berperanan penting dalam membangun dan

memajukan sukan negara terutama dalam sukan elit tetapi janganlah sampai mengambil alih sepenuhnya kuasa yang sudah diperakukan kepada badan sukan kebangsaan.

Saya faham bahawa MSN bertanggung jawab menguruskan sumber kewangan disalurkan oleh kerajaan dengan teratur, telus dan tidak membazir kerana wang juga miliki pembayar cukai, tetapi perlulah ada kata sepakat dan persefahaman dan badan sukan kebangsaan.

Saya pasti jika MSN menghormati dan memperakukan kuasa yang dimiliki badan sukan kebangsaan seperti KOAM, mereka akan mendapat kerjasama yang lebih erat daripada hubungan yang penuh dengan syak wasangka, hanya senyum ketika dalam mesyuarat tetapi kemudian mengata di belakang, atau hubungan yang berdasarkan paksaan dan ketakutan.

Saya bukan mahu mengajar MSN cara untuk menguruskan tanggung jawab mereka kerana di majlis itu sendiri sudah ada pegawai-pegawai handal dalam hal pengurusan sukan negara tetapi saya berharap berikanlah sedikit "muka" kepada persatuan sukan kebangsaan.

Kepada Azmi, apa boleh buat, orang sudah tidak sudi dan saya berharap dia akan terus berusaha walaupun kadangkala saya rasa dia lebih banyak bersuara daripada memberi persembahan meyakinkan.